

**HUBUNGAN ANTARA RETROSAKTIF SIKAP
PELAJAR TERHADAP SUBJEK PENDIDIKAN
SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN
DENGAN ASPIRASI AMALAN
MEMBINA NEGARA BANGSA**



ABDUL SALEH BIN MOHD SALLEH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

**HUBUNGAN ANTARA RETROSAKTIF SIKAP
PELAJAR TERHADAP SUBJEK PENDIDIKAN
SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN
DENGAN ASPIRASI AMALAN
MEMBINA NEGARA BANGSA**

ABDUL SALEH BIN MOHD SALLEH



UMS

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

PENGAKUAN PELAJAR

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

04 Julai, 2009



.....
(ABDUL SALEH BIN MOHD SALLEH)
PT20067804



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGESAHAN PENYELIA

TAJUK : HUBUNGAN ANTARA RETROFAKTIF SIKAP
PELAJAR TERHADAP SUBJEK PENDIDIKAN SIVIK
DAN KEWARGANEGARAAN DENGAN ASPIRASI
AMALAN MEMBINA NEGARA BANGSA

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN

TARIKH VIVA : 04 JULAI, 2009

PENYELIA
(DR. LAY YOON FAH)



(Tandatangan)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


PENGHARGAAN

Mendahului ruangan penghargaan ini saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih khusus kepada Prof. Dr. Zulkifli Mohamed, Dekan SPPS, serta Dr. Lay Yoon Fah dengan jasa baik mereka membimbing dan menyelia saya sehingga disertasi ini berjaya disempurnakan.

Ucapan penghargaan terima kasih juga saya tujukan kepada semua guru-guru dan pelajar di sekolah-sekolah menengah daerah Semporna yang terlibat atas kerja sama padu yang mereka berikan semasa kerja lapangan penyelidikan ini dijalankan.

Di samping itu, tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi idea, kerjasama dan galakkan sepanjang pengajian saya di UMS. Akhir sekali untuk anak-anak tersayang Asyikin, Ain, Aini, Azhar dan Atik yang telah turut serta memberi kerjasama dan sokongan sepanjang masa.

04 Julai, 2009



(ABDUL SALEH BIN MOHD SALLEH)

PT20067804



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan dan perbezaan mengikut jantina mengenai retrosfaktif sikap pelajar terhadap subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan dengan aspirasi amalan membina Negara Bangsa. Responden kajian berjumlah 371 orang dengan lelaki 182 orang (49.1%) dan perempuan 189 orang (51.9%) dalam kalangan pelajar Tingkatan Lima di 6 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Semporna. Kaedah persampelan rawak mudah berlapis dengan berkadar digunakan. Tahap kebolehppercayaan instrumen kajian sederhana tinggi dengan nilai pekali Cronbach Alpha 0.827 bagi retrosfaktif sikap dan 0.825 bagi aspirasi amalan. Hipotesis pertama dapatan perbezaan menggunakan ujian Mann-Whitney U mendapati nilai kebarangkalian ialah 0.036 kecil daripada nilai alpha 0.05, maka hipotesis nol ditolak. Terdapat bukti-bukti kukuh untuk membuat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek retrosfaktif sikap terhadap subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan antara pelajar lelaki dengan perempuan. Nilai min pangkatan perempuan menunjukkan 197.45 berbanding lelaki dengan 174.11. Hipotesis kedua pula mendapati nilai kebarangkalian ialah 0.002 kecil daripada nilai alpha 0.05 maka hipotesis nol ditolak. Terdapat bukti-bukti kukuh untuk membuat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek aspirasi amalan membina Negara Bangsa antara pelajar lelaki dengan perempuan. Nilai min pangkatan perempuan ialah 203.03 berbanding lelaki dengan 168.32. Hipotesis ketiga dapatan ujian korelasi menggunakan Spearman Rho mendapati nilai kebarangkalian ialah 0.000 kecil daripada nilai alpa 0.05, maka hipotesis nol ditolak. Terdapat bukti-bukti kukuh untuk membuat kesimpulan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara retrosfaktif sikap terhadap subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan dengan aspirasi amalan membina Negara Bangsa dalam kalangan pelajar Tingkatan Lima. Nilai r bagi koefisien korelasi ialah .467 menunjukkan bentuk hubungan linear positif dengan kekuatan hubungan yang lemah.

ABSTRACT

The linkage of the retrospective student's attitude in the Civic Education & Nationality Subject with the aspiration theory to build the nation states

This research is to make sure about the linkage and the differences based on the genders. It is also about the retrospective student's attitude towards the Civic Education & Nationality Subject with the aspiration theory to build the nation states. In the respondent of the research in the numbers of 371, there are 182 or 49.1% of boys and about 189 or 51.9% of girls are come from Form Five students in 6 secondary schools (SMK) around the Semporna District. It is used a simply double rate rough sample of method. The level of reliability instrument research shows a little bit higher than the Crobach's Alpha 0.827 of the multiplier value in the retrospective attitude. However, theory of the aspiration is 0.825. The first hypothesis result the differences usage between the Mann-Whitney U test and the possibility value shows 0.036 smaller than the alpha value that is 0.05. So, it makes the nol hypothesis being deducted. Besides, there are lots of stronger proof, to show the significance of differences between males and females for the retrospective aspect attitude towards the Civic Education & Nationality Subject as a conclusion. The mean rank values of females show 197.45 than males with 174.11. However, the second hypothesis gets the possibility numbers of 0.002 is the smallest than the alpha values in 0.05, so the nol hypothesis being deducted. This is also proof that the significance differences in the aspiration theory to build the nation states between males and females. So, the mean rank values of females are 203.03 than the males numbers is 168.32. For the third hypothesis in the correlations test, it used the Spearman Rho, shows the result of possibility value is 0.000 smaller than the alpha value is 0.05. That means the nol hypothesis is being deducted. For the conclusion, it is also proof the significance link between the retrospective attitude towards the Civic Education & Nationality with the aspiration theory to build the nation states among the students of Form Five. So, the value for correlation coefficient is 467. This shows that the linkage form of the positive linear with the stronger weak.

SENARAI KANDUNGAN

Halaman

TAJUK	i
PENGAKUAN PELAJAR	ii
PENGESAHAN PENYELIA	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SIMBOL	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB: 1	PENDAHULUAN KAJIAN	
1.1	Pengenalan	01
1.2	Latar Belakang Kajian	02
1.2.1	Membina Negara Bangsa	02
1.2.2	Penggubalan Kurikulum Untuk Membina Negara Bangsa	03
1.2.3	Prospek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan Untuk Membina Negara Bangsa	05
1.2.4	Sikap Dan Aspirasi Amalan Membina Negara Bangsa	06
1.3	Pernyataan Masalah	07
1.4	Soalan Kajian	08
1.5	Tujuan Kajian	09
1.6	Objektif Kajian	10
1.7	Hipotesis Kajian	11
1.8	Batasan Kajian	11
1.9	Sumbangan Kajian	12
1.10	Definisi Operasional	14
1.11	Kesimpulan	16
BAB: 2	SOROTAN LITERATUR KAJIAN	
2.1	Pengenalan	18
2.2	Literatur Negara Bangsa	19
2.2.1	Konsep Negara Bangsa	19
2.2.2	Konsep Negara Bangsa Malaysia	20
2.2.3	Perkembangan Negara Bangsa Di Eropah	25
2.2.4	Perkembangan Negara Bangsa Di Malaysia	27
2.3	Literatur Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan	28
2.3.1	Cabaran Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan	29
2.3.2	Struktur Kurikulum Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan	30
2.3.3	Peranan Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan Untuk Negara Bangsa	39
2.4	Literatur Sikap Individu	42
2.4.1	Konsep Sikap Dalam Konteks Sosial	42
2.4.2	Sikap Prejudis, Stereotaip Dan Diskriminasi	44
2.4.3	Mengubah Sikap Individu Melalui Pujukan	47

2.5	Hubungan Antara Retrosfaktif Sikap Pelajar Terhadap Subjek PSK Dengan Aspirasi Amalan Membina Negara Bangsa.	49
2.6	Kerangka Kajian	52
2.7	Kajian Berkaitan	53
2.8	Kesimpulan	54
BAB: 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	55
3.3	Lokasi Kajian	56
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	56
3.5	Kaedah Persampelan	57
3.6	Instrumen Kajian	58
3.7	Kajian Rintis	59
3.8	Tatacara Pemerolehan Data	60
3.9	Tatacara Penganalisaan Data	61
3.10	Kesimpulan	64
BAB: 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	65
4.2	Analisis Pembersihan Data Kajian	66
4.3	Analisis Statistik Demografi Responden Kajian	67
4.4	Analisis Ujian Kebolehpercayaan Data Kajian	67
4.5	Analisis Ujian Kenormalan Data Kajian	68
4.6	Analisis Ujian Hipotesis Data Kajian	70
4.6.1	Hipotesis 1: Perbezaan Retrosfaktif Sikap Berdasarkan Jantina	70
4.6.2	Hipotesis 2: Perbezaan Aspirasi Amalan Berdasarkan Jantina	71
4.6.3	Hipotesis 3: Hubungan Retrosfaktif Sikap Dengan Aspirasi Amalan	72
4.7	Kesimpulan	73
BAB: 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN	
5.1	Pengenalan	75
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	76
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	77
5.3.1	Perbezaan Retrosfaktif Sikap Mengikut Jantina	77
5.3.2	Perbezaan Aspirasi Amalan Mengikut Jantina	81
5.3.3	Kekuatan Hubungan Retrosfaktif Sikap Dengan Aspirasi Amalan	87
5.4	Cadangan Kajian	88
5.4.1	Isu-isu Dapatan Kajian	89
5.4.2	Tindakan Pihak Sekolah	93
5.4.3	Kajian Lanjutan	95
5.5	Kesimpulan	97
BIBLIOGRAFI		98
LAMPIRAN-LAMPIRAN		
LAMPIRAN 3A	Set Soal Selidik	101
LAMPIRAN 3B	Kajian Rintis: Ujian Kebolehpercayaan Retrosfaktif Sikap	104
LAMPIRAN 3C	Kajian Rintis: Ujian Kebolehpercayaan Aspirasi Amalan	105
LAMPIRAN 3D	Surat Rasmi Menjalankan Penyelidikan Untuk Pelajar	106

LAMPIRAN 4A	Ujian Kebolehpercayaan Retrosfaktif Sikap	107
LAMPIRAN 4B	Ujian Kebolehpercayaan Aspirasi Amalan	109
LAMPIRAN 4C	Ujian Kenormalan Retrosfaktif Sikap Dan Aspirasi Amalan	111
LAMPIRAN 5A	Ujian Mann-Whitney Sub-tema Dan Item Retrosfaktif Sikap	113
LAMPIRAN 5B	Ujian Mann-Whitney Sub-tema Dan Item Aspirasi Amalan	114



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 2.1:	Kerangka kajian antara retrosfaktif sikap dan aspirasi amalan.	53
Rajah 4.1:	Plot kotak yang menunjukkan kedudukan data-data terpencil.	66



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 3.1:	Kaedah persampelan rawak mudah secara berlapis dan berkadar.	57
Jadual 3.2:	Agihan item set instrumen soal selidik.	58
Jadual 3.3:	Keputusan ujian rintis kebolehpercayaan variabel retrosfaktif sikap pelajar terhadap subjek PSK.	59
Jadual 3.4:	Keputusan ujian rintis kebolehpercayaan variabel aspirasi amalan membina Negara Bangsa.	59
Jadual 3.5:	Teknik statistik yang digunakan dalam penganalisaan data.	62
Jadual 3.6:	Saiz nilai pekali korelasi dan kekuatan hubungan.	63
Jadual 4.1:	Bilangan sampel mengikut jantina dalam proses pembersihan data.	66
Jadual 4.2:	Bilangan dan peratus sampel mengikut jantina.	67
Jadual 4.3:	Petunjuk keciciran dan kebolehpercayaan variabel retrosfaktif sikap.	67
Jadual 4.4:	Petunjuk keciciran dan kebolehpercayaan variabel aspirasi amalan.	68
Jadual 4.5:	Huraian statistik respon item mengikut bilangan pelajar.	68
Jadual 4.6:	Keputusan ujian kenormalan Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk untuk taburan respon pelajar.	69
Jadual 4.7:	Keputusan min pangkatan perbezaan untuk retrosfaktif sikap pelajar.	71
Jadual 4.8:	Keputusan ujian Mann-Whitney untuk retrosfaktif sikap pelajar.	71
Jadual 4.9:	Keputusan min pangkatan perbezaan untuk aspirasi amalan pelajar.	72
Jadual 4.10:	Keputusan ujian statistik perbezaan Mann-Whitney untuk aspirasi amalan pelajar.	72
Jadual 4.11:	Keputusan ujian korelasi untuk hubungan retrosfaktif sikap dengan aspirasi amalan.	73

SENARAI SIMBOL

L	: Lelaki.
P	: Perempuan.
N	: Bilangan / Jumlah.
%	: Peratus.
(*)	: Data extrem.
(o)	: Data pencilan.
(Y)	: Variabel bersandar.
(X)	: Variabel bebas.
r	: Pekali korelasi.
r^2	: Nilai varians pekali korelasi.
$>$	: Lebih besar daripada.
$<$	: Lebih kecil daripada.
$\geq$	: Lebih besar atau sama dengan.
$\leq$	: Lebih kecil atau sama dengan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

Bil.	: Bilangan.
Jum.	: Jumlah.
KPM	: Kementerian Pelajaran Malaysia.
MP	: Min Pangkatan.
PIPP	: Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.
RMK9	: Rancangan Malaysia Ke-9.
PMR	: Penilaian Menengah Rendah.
SPM	: Sijil Pelajaran Malaysia.
Sig.	: Signifikan.
SPSS	: Statistical Package For Social Science.
PSK	: Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan negara sejak negara mula mencapai kemerdekaan sememangnya bergerak aktif dan dinamik sejajar dengan peredaran zaman dan perubahan negara yang berkembang maju serta situasi global yang sentiasa berubah-ubah dari semasa ke semasa. Fungsi sistem pendidikan negara bukan sahaja melahirkan jenerasi masyarakat demi masyarakat yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi, malahan juga berfungsi dalam membina jati diri, perwatakan dan nilai-nilai moral masyarakat keseluruhannya. Hakikatnya, keunggulan sistem pendidikan negara dapat ditinjau dalam pelbagai dimensi pembangunan manusia yang melibatkan ilmu pengetahuan dalam kepelbagaian dimensi afektif, psikomotor, kognitif, dan kerohanian.

Salah satu kandungan modul di dalam sistem pendidikan negara yang telah digubal pada masa kini ialah kurikulum Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan yang dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2003 sehinggalah 2005 di semua sekolah rendah dan menengah dalam usaha membina Negara Bangsa. Pada dasarnya, kurikulum tersebut digubal khusus untuk membolehkan semua lapisan jenerasi warganegara akan celek dalam hala tuju tatacara bermasyarakat dan bernegara yang semakin terancam kerana peredaran zaman dan situasi global yang berubah-ubah.

Oleh hal yang demikian, kajian susulan perlu dilakukan terhadap kurikulum subjek ini untuk mengenal pasti setahap mana momentum yang terhasil menurut seperti yang dihasratkan oleh sistem pendidikan dalam memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Sehubungan dengan itu, bab ini akan membincangkan modul kerja kajian berkaitan subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan dalam konteks meninjau potensi sikap dan amalan pelajar dalam usaha merealisasikan hasrat negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, suku kaum dan agama untuk bersatu di dalam membina sebuah Negara Bangsa.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini meninjau retrosfaktif sikap pelajar terhadap subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan dan hubung kaitannya dengan aspirasi amalan membina Negara Bangsa di kalangan pelajar Tingkatan 5 di daerah Semporna setelah mereka mempelajari subjek berkenaan bermula dari Tingkatan Satu. Selain itu, kajian ini juga meninjau perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan berkenaan sikap dalam dimensi afek, behavioural serta kognisi, dan seterusnya perbezaan aspirasi mereka terhadap amalan membina Negara Bangsa.

Pada umumnya, fokus huraian latar belakang kajian ini berkisar kepada isu-isu semasa arena pendidikan negara khususnya dalam membicarakan agenda pendidikan negara untuk jangka masa panjang. Malahan isu yang diketengahkan menerusi kajian ini juga terkandung di dalam perancangan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sehinggalah 2010. Dengan ini, berikut digalurkan huraian yang lebih lengkap tentang Negara Bangsa dan Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan yang menjadi fokus latar belakang kajian ini.

1.2.1 Membina Negara Bangsa

Pembinaan Negara Bangsa amat penting bagi sesebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Keupayaan membina Negara Bangsa bergantung kepada perkongsian nilai serta semangat patriotisme dalam kalangan semua ahli atau penduduk. Untuk mencapai kejayaan, setiap individu memerlukan usaha kebangsaan dalam erti kata seluruh masyarakat dalam negara dirangsangkan sepenuhnya untuk melaksanakan komitmen yang ikhlas kepada perubahan ini.

Pengaplikasian hal sedemikian menjadi semakin penting lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia, tetapi juga sistem nilai, budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara luar yang meresap masuk ke negara ini (Lukman & Khaidzir, 2003; Roxburgh, 2003; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Menurut Ely, bangsa merupakan taburan manusia yang berkongsi sempadan geografi, sejarah, budaya, ekonomi dan hak perundangan. Sementara menurut Hobsbawm pula, negara dan bangsa adalah kembar identikal yang sukar untuk dipisahkan. Dengan perkataan lain, bangsa ialah warganegara yang mencintai, setia dan menjunjung kedaulatan sesebuah negara. Bangsa Malaysia dikatakan mengalami proses evolusi sejarah yang telah mengubah sifat sedia ada. Bangsa Malaysia mono-etnik Melayu yang wujud pada awal sejarah telah mengalami proses transformasi sehingga bertukar menjadi sebuah bangsa Malaysia multietnik (Lukman & Khaidzir, 2003).

1.2.2 Penggubalan Kurikulum Untuk Membina Negara Bangsa

Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) adalah menyokong hasrat negara untuk membina Negara Bangsa Malaysia bagi memperkukuh perpaduan, membina identiti nasional dan semangat kebangsaan, serta membangunkan sumber manusia yang bersesuaian dengan keperluan negara. Matlamat kementerian membina Negara Bangsa melalui pendidikan adalah untuk melahirkan pelajar yang memiliki jadi diri yang kukuh, patriotik, berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai moral, hidup sebagai sebuah masyarakat yang penyayang, demokratik, liberal, bertolak ansur, berfikiran matang dan berbudaya saintifik serta hidup bersatu padu. Kementerian bertanggungjawab untuk menyemai nilai-nilai tersebut semasa pelajar di bangku sekolah.

Peranan sistem pendidikan adalah sangat penting untuk melahirkan semangat cintakan negara dalam kalangan individu. Oleh itu Kementerian Pelajaran Malaysia menghadapi cabaran besar melahirkan pelajar dengan ciri-ciri individu dan masyarakat Malaysia yang memiliki amalan hidup di dalam sebuah Negara Bangsa. Akhirnya, Kementerian Pelajaran Malaysia menggubal dan melaksanakan kurikulum Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan bagi memenuhi cabaran tersebut.

Menurut Ishak (2005) yang memetik pendapat Kung, Doll, Johnson, dan MacDonald menjelaskan bahawa kurikulum merupakan suatu kursus pengajaran yang menjadi dokumen khas dan panduan sumber bercatat untuk kurikulum. Dengan sendirinya bahawa kurikulum itu menjadi suatu dokumen terkawal. Bahan kurikulum

merangkumi cadangan-cadangan untuk guru berhubung dengan matlamat, objektif, pelajar, pengalaman pelajaran, isi kandungan pelajaran, kaedah, bahan dan cara penilaian. Dia beranggapan bahawa kurikulum sebagai program pengajian yang merujuk kepada mata pelajaran yang diajar di sekolah mengikut aliran atau jurusan yang ditetapkan.

Selain Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai bahan untuk guru, terdapat juga modul-modul berupa buku teks untuk pelajar setiap tingkatan bagi memastikan pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan. Terdapat enam tema yang menjadi tonggak asas setiap modul yang memenuhi dan menepati kehendak Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran yang disediakan oleh kementerian iaitu:

- a. Pencapaian sendiri.
- b. Hubungan kekeluargaan.
- c. Hidup bermasyarakat.
- d. Warisan kepelbagaian budaya Malaysia.
- e. Malaysia negara berdaulat.
- f. Cabaran masa depan.

Modul tersebut merupakan salah satu alat untuk membantu usaha melahirkan pelajar yang bersatu padu, patriotik dan yang memahami kepelbagaian budaya Malaysia. Kandungan dan persembahan isi dimantapkan supaya bersifat mesra pelajar di samping dapat membantu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran berkenaan dalam penyampaian guru. Modul tersebut diharap dapat melahirkan generasi muda yang dinamik, produktif, berketrampilan serta bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara dalam persediaan untuk pelajar meninggalkan alam persekolahan (Koo *et al.*, 2005; Siti Amnah *et al.*, 2006; Ahmad Kamal *et al.*, 2007).

Mata pelajaran ini mempunyai rasionalnya sendiri yang menekankan kepada perpaduan kaum dan pengetahuan tentang masyarakat majmuk di Malaysia. Oleh itu sukatan pelajaran sivik adalah sejajar dengan aspirasi dan prinsip yang termaktub di dalam Rukun Negara yang merangkumi beberapa ciri penting yang seharusnya

menjadi pedoman dan pegangan hidup kepada seluruh rakyat jelata yang berada di Malaysia (Jegadeva, 1992).

1.2.3 Prospek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan Untuk Membina Negara Bangsa

Prospek subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan dalam usaha-usaha murni membina Negara Bangsa untuk jangka masa panjang dan akan datang masih awal untuk dikenal pasti kerana baru mencecah usia 5 tahun dalam pelaksanaan. Persoalan sivik bukanlah satu persoalan kecil kerana membabitkan sikap dan tanggungjawab dari soal sekecil-kecilnya seperti bertanggungjawab kepada diri sendiri sehinggalah tanggungjawab yang sebesar-besarnya seperti bertanggungjawab terhadap negara dan alam seluruhnya.

Dalam banyak hal sifat sivik juga menunjukkan makna berkorban, iaitu berusaha dengan sedaya upaya bagi memenuhi kehendak diri sendiri untuk kepentingan dalam konteks amalan untuk kebaikan. Jelaslah bahawa persoalan sivik merupakan persoalan luas yang antara lain membabitkan persoalan didikan dan pembentukan moral, yang merangkumi budi bahasa, budaya, pandangan hidup, kesedaran, perangai, kebiasaan dan sebagainya. Dalam banyak hal seseorang yang telah melakukan sesuatu tanggungjawab yang dianggap baik, umumnya dikatakan sebagai mempunyai sifat kesedaran sivik. Tanggungjawab yang lahir dalam diri sendiri secara suka rela tanpa mengharap apa-apa ganjaran dan dilakukan semata-mata kerana sedar bahawa tindakan tersebut adalah perlu dan munasabah (Mohd Said, 1992).

Matlamat pendidikan negara selain daripada melahirkan tenaga terlatih dan berkualiti dalam pelbagai ilmu pengetahuan, adalah juga untuk memupuk nilai-nilai kewarganegaraan bagi mewujudkan dan mengekalkan perpaduan dalam kalangan seluruh lapisan masyarakat. Perkembangan isu sosial pada akhir-akhir ini menunjukkan bahawa beberapa gejala yang tidak sihat telah meresap dalam masyarakat. Perasaan perkauman menjadi semakin meningkat dan ketara serta lebih ramai rakyat yang berfikir secara sempit dengan menganggap diri mereka sebagai orang Melayu, Orang Cina dan orang India daripada berfikir secara " bangsa Malaysia" (Jegadeva, 1992).

Hubungan dan ikatan perpaduan dalam keluarga, bangsa dan kaum ataupun sesama masyarakat dalam negara sering ditekankan di sekolah. Hal ini menjadikan pelajar yang berada di sekolah berpeluang belajar tanpa mengira kaum, agama, kekayaan dan keturunan. Pelajar berada di dalam sistem persekolahan yang sama dalam mencari dan mendapatkan ilmu secara bebas dan terbuka. Pendidikan juga berfungsi mengawal sosial dengan mendedahkan pelajar kepada mengenali perbuatan tercela dan terpuji, perlakuan baik dan buruk serta jahat dan baik. Dengan ini pergerakan dan sikap pelajar sebagai anggota masyarakat dapat dikawal.

Pelajar sekolah yang didedahkan dengan mata pelajaran sivik, ketatanegaraan dan disiplin bertujuan membiasakan mereka supaya dapat memahami dan menghayati nilai-nilai yang baik. Apabila mereka keluar daripada alam persekolahan dan masuk ke dalam sistem masyarakat yang lebih terbuka, maka mereka boleh menyesuaikan diri dengan norma-norma hidup yang ditetapkan oleh masyarakat. Kestabilan sistem dan pelaksanaan kurikulum pendidikan yang mapan seperti ini menjadikan masyarakat yang dihasilkan daripada alam persekolahan lebih entiti dan sepadu (Ishak, 2005).

1.2.4 Sikap Dan Aspirasi Amalan Membina Negara Bangsa

Mengikut pendapat Gordon Allport, sikap yang dipaparkan oleh manusia ini adalah punca bagi pelbagai bentuk tingka laku sosial seperti tingkah laku prejudis, diskriminasi, prososial, tingkah laku melencong dan pelbagai yang lain. Sikap didefinisikan oleh Petty dan Cacioppo sebagai sesuatu penilaian am yang kekal mengenai manusia, objek dan isu-isu. Pada amnya, sikap mempunyai tiga komponen, iaitu afek (emosi), behavioural (tingkah laku) dan kognisi (fikiran) yang juga dikenali sebagai Model ABC mengenai sikap mengikut pendapat Breckler (Mahmood, 1992).

Sungguhpun Pendidikan Sivik telah diajar sebagai satu mata pelajaran wajib di semua sekolah pada tahun 1970-an, namun didapati bahawa anggapan umum tentang keharmonian hidup dan persefahaman di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum tidak begitu tampak bila semangat perkauman berada pada tahap yang tinggi mengatasi semangat kebangsaan atau keMalaysiaan. Di peringkat masyarakat sekolah, manifestasi perkauman turut dirasai. Sikap bertanggungjawab

kepada negara dan masyarakat, tugas mempertahankan dan meninggikan maruah negara kurang penting bagi generasi muda. Semangat cintakan negara, perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia dan segala kepentingan negara sering diabaikan. Akhirnya, pendidikan Kewarganegaraan diperkenalkan pada pertengahan dekad 1980-an menggantikan Pendidikan Sivik (Jegadeva, 1992).

Sebagai kesimpulan, pada dasarnya reka bentuk dan penggubalan kurikulum arus perdana pendidikan negara untuk membina Negara Bangsa dalam tempoh 1970-an sehingga awal 2000-an didapati kurang menyerlah dan sangat perlu kepada penambahbaikan. Oleh hal demikian, kajian ini akan cuba mencungkil prospek subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan dalam usaha-usaha membina Negara Bangsa sama ada pelajar yang telah terdedah kepada pengajaran subjek ini dan yang akan meninggalkan alam persekolahan meresap masuk ke dalam masyarakat mempunyai ciri-ciri serta kesediaan sebagai rakyat Negara Bangsa.

1.3 Pernyataan Masalah

Subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bermula tahun 2003 dan dilaksanakan sepenuhnya di Tingkatan Satu peringkat menengah pada tahun 2005. Tujuan subjek ini diperkenalkan adalah untuk memberi kesedaran kepada para pelajar tentang hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat pelbagai kaum serta pentingnya semangat patriotisme, kesejahteraan dan keharmonian antara kaum.

Kementerian bukan sahaja berperanan memastikan sumber manusia yang dihasilkan mampu berfikir secara global dan bertindak secara *loca* untuk kepentingan negara dan bangsa, malahan menjadi peneraju negara ke arah pembinaan Negara Bangsa. Dalam sebuah Negara Bangsa, rakyatnya hendaklah memiliki kesediaan menerima dan berkongsi identiti, lambang, kebudayaan, nilai dan semangat yang menjadi ciri dan hasrat Negara Bangsa itu sendiri (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Oleh hal yang demikian, maka kajian ini cuba menetengahkan isu permasalahan yang mempersoalkan bahawa adakah sikap pelajar terhadap subjek

Pendidikan Sivik Dan kewarganegaraan mempunyai hubung kait dengan aspirasi amalan ataupun tindak-tanduk mereka dalam perlakuan sebagai rakyat yang hidup di dalam sesebuah Negara Bangsa?.

Lebih khusus lagi isu permasalahan lain yang mempunyai persamaan maksud bahawa, adakah retrosfaktif sikap pelajar Tingkatan Lima terhadap subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan telah berjaya membentuk atau memupuk aspirasi amalan mereka sebagai rakyat Malaysia dalam konteks sebuah Negara Bangsa?. Adakah mereka menunjukkan kejayaan dalam membentuk jati diri setelah mereka mengikuti subjek tersebut bermula dari Tingkatan Satu sejak mereka berada di sekolah menengah?.

Secara umumnya, aspirasi amalan membina Negara Bangsa memfokus kepada keinginan yang kuat di kalangan pelajar Tingkatan Lima melakukan amalan-amalan tingkah laku, gaya berfikir dan bertindak, serta berperasaan dan empati sebagai seorang rakyat dan warganegara yang hidup mengikut ciri-ciri atau nilai-nilai masyarakat yang diingini dalam konteks Negara Bangsa pada masa-masa akan datang kelak.

Sesungguhnya kajian ini ingin mendeduksi konsekuen tersebut untuk cuba diperhati sama ada wujud atau tidak dalam populasi pelajar Tingkatan 5 setelah mereka mempelajari subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaran itu lebih 4 tahun di sekolah menengah. Akhirnya, dengan ini pengkaji memilih penyelidikan kuantitatif dengan pendekatan reka bentuk bukan eksperimental dan penggunaan kaedah tinjauan serta berasaskan tatacara kajian inferens terhadap populasi yang dimaksudkan.

1.4 Soalan Kajian

Soalan kajian yang akan dijawab melalui kajian ini adalah seperti berikut:-

- a. Adakah terdapat perbezaan dalam aspek retrosfaktif sikap terhadap subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam kalangan pelajar Tingkatan Lima?.

- b. Adakah terdapat perbezaan dalam aspek aspirasi amalan membina Negara Bangsa antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam kalangan pelajar Tingkatan Lima?.
- c. Adakah terdapat hubungan antara retrosfaktif sikap pelajar terhadap subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan dengan aspirasi amalan membina Negara Bangsa dalam kalangan pelajar Tingkatan Lima?.
- d. Apakah retrosfaktif sikap terhadap subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan yang berbeza antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam kalangan pelajar Tingkatan Lima?.
- e. Apakah aspirasi amalan membina Negara Bangsa yang berbeza antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam kalangan pelajar Tingkatan Lima?.

1.5 Tujuan Kajian

Kajian tinjauan ini dijalankan untuk bertujuan mengenal pasti retrosfaktif sikap pelajar Tingkatan Lima terhadap subjek Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan dan aspirasi amalan mereka sebagai rakyat Malaysia dalam konteks sebuah Negara Bangsa setelah mereka mengikuti subjek tersebut bermula dari Tingkatan 1 sejak mereka berada di sekolah menengah.

Retrosfaktif sikap pelajar Tingkatan Lima terhadap subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan di antara pelajar lelaki dan perempuan mungkin terdapat perbezaan sikap di antara dua populasi ini atau sebaliknya. Dalam kajian ini, elemen sikap yang dikaji adalah mengikut konsep model sikap oleh Mahmood (1990) yang merangkumi aspek-aspek afek (emosi), behavioural (tingkah laku) dan kognisi (pemikiran).

Berkemungkinan juga retrosfaktif sikap pelajar terhadap subjek berkenaan ada hubung kaitannya dengan aspirasi tindak-tanduk mereka dalam perlakuan atau amalan sifat-sifat sebagai rakyat yang hidup di dalam sesebuah Negara Bangsa.